



**INTERNATIONAL RESEARCH JOURNAL
OF SHARIAH, MUAMALAT AND ISLAM
(IRJSMI)**

www.irjsmi.com



**PELAKSANAAN MEKANISME KUTIPAN ZAKAT
PERNIAGAAN: SATU PENDEKATAN PROAKTIF OLEH
LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH (LZNK)**

*IMPLEMENTATION OF ZAKAT ON BUSINESS COLLECTION MECHANISM:
A PROACTIVE APPROACH BY KEDAH STATE ZAKAT BOARD (LZNK)*

Saudah Ahmad¹, Noor Asma Jamaluddin², Syahrul Faizaz Abdullah^{3*}, Syahrina Abdullah⁴, Armanurah Mohamad⁵

¹ Pusat Pengajian Tunku Puteri Intan Syafinaz, UUM COB Universiti Utara Malaysia
Email: saudah@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Tunku Puteri Intan Syafinaz, UUM COB Universiti Utara Malaysia
Email: noorasma@uum.edu.my

³ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS Universiti Utara Malaysia
Email: faizaz@uum.edu.my

⁴ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS Universiti Utara Malaysia
Email: syahrina@uum.edu.my

⁵ Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, UUM COB Universiti Utara Malaysia
Email: armanurah@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 17.12.2020

Revised date: 27.12.2020

Accepted date: 04.01.2021

Published date: 01.03.2021

To cite this document:

Ahmad, S., Jamaluddin, N. A., Abdullah, S. F., Abdullah, S., & Mohamad, A. (2021). Pelaksanaan Mekanisme Kutipan Zakat Perniagaan: Satu Pendekatan Proaktif oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). International Research of

Abstrak:

Zakat perniagaan merupakan antara penyumbang utama kepada kutipan zakat harta di Kedah. Walaupun jumlah usahawan Muslim semakin ramai namun jumlah kutipan zakat perniagaan masih belum mencapai sasaran. Tahap keefisyenian mekanisme kutipan zakat adalah antara faktor yang mempengaruhi hasil kutipan zakat. Selaras dengan itu, kertas kerja ini bertujuan meneroka pelaksanaan mekanisme proaktif bagi meningkatkan kutipan zakat perniagaan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan teknik pengumpulan data melalui temu bual bersemuka menggunakan protokol temu bual berstruktur dan analisis dokumen. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat pelbagai mekanisme proaktif yang dipraktikkan oleh LZNK. Antaranya, kempen ziarah ke kompleks perniagaan bagi mendekati usahawan Muslim termasuk di luar waktu pejabat, pewujudan mekanisme kutipan zakat yang inovatif menggunakan teknologi maklumat seperti platform pembayaran zakat atas talian serta seruan di media sosial, penawaran mekanisme agihan balik kepada

Shariah, Muamalat and Islam, 3 (6),
01-11.

DOI: 10.35631/IRJSMI.36001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



pembayar korporat, pelaksanaan projek dan skim bantuan zakat berimpak tinggi serta seruan zakat secara tidak langsung melalui pelbagai saluran. Pelaksanaan mekanisme proaktif telah berjaya menyumbang kepada peningkatan jumlah kutipan zakat perniagaan walaupun masih belum mencapai jumlah kutipan sasaran. Perlaksanaan mekanisme proaktif tersebut juga menunjukkan komitmen tinggi LZNK terhadap tanggungjawab mereka di sisi agama dan masyarakat khususnya golongan usahawan Muslim.

Kata Kunci:

Lembaga Zakat Negeri Kedah, Mekanisme Kutipan Zakat Perniagaan, Usahawan Muslim, Zakat Perniagaan

Abstract:

The zakat on business is one of the main contributors to the zakat collection in Kedah. Despite the increasing number of Muslim entrepreneurs, the total collection for the zakat on business has yet to reach the target. The efficiency of the zakat collection mechanism is among the factors that influence the proceeds of zakat. Accordingly, this paper is aimed at exploring the implementation of proactive mechanisms to intensify the zakat collection by the Kedah State Zakat Board (LZNK). This study applied a qualitative approach, in which the data were collected through interviews using structured interview protocol and document analysis. The findings showed that there were various proactive mechanisms practiced by LZNK. These include a campaign to visit business complexes and premises to reach out to those Muslim entrepreneurs even during outside office hours, the development of innovative zakat collection mechanism using information technology such as the online zakat payment platform, frequent promotions, and appeals in social media, the offering of a refund-distribution mechanism to corporate payers, implementing high impact projects and zakat aid schemes, as well as indirect zakat plea through various channels. The implementation of proactive mechanisms has successfully contributed to the increase of zakat collection on business although it has yet to reach the target collection. Moreover, this proactive mechanism demonstrates the high commitment of LZNK towards their responsibility for the religion and society, especially the Muslim entrepreneurs.

Keywords:

Kedah State Zakat Board, Zakat On Business Collection Mechanism, Muslim Entrepreneurs, Zakat On Business

Pengenalan

Institusi rasmi yang berkaitan hal ehwal zakat telah diwujudkan dengan penubuhan Majmaul Syeikhul Islam pada tahun 1936. Perhimpunan Riyal Zakat dan Sedekah Orang-orang Islam di Negeri Kedah pada tahun 1936 dianggap sebagai tarikh mula sebaran zakat secara rasmi dibuat kepada rakyat Negeri Kedah (<https://www.zakatkedah.com.my/profil-lznk/>). Rentetan usaha tersebut, Enakmen Zakat Kedah telah diwujudkan pada tahun 1955 dan seterusnya penubuhan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) pada tahun 2015 bagi menguruskan usaha kutipan dan agihan zakat di negeri tersebut.

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat, LZNK telah mengorak langkah dalam mengemaskini pangkalan data bagi jumlah kutipan zakat dari pembayar serta agihan zakat kepada golongan yang layak. LZNK juga menyediakan pelbagai platform kepada pembayar-

pembayar zakat di negeri Kedah antaranya melalui kaunter bergerak, pembayaran atas talian, bayaran secara kad kredit dan debit, potongan gaji terus serta pelbagai kaedah yang proaktif. Namun begitu, pembayaran zakat dalam kalangan usahawan dan peniaga kecil peratusannya agak rendah berbanding dengan pembayar zakat melalui potongan gaji terutama pekerja dalam sektor awam. Data menunjukkan peratusan pembayar zakat tertinggi di negeri Kedah adalah dari sektor pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia) dan diikuti dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tinjauan Literatur

Zakat merupakan satu elemen dalam Rukun Islam yang keempat. Rukun Islam keempat ini mewajibkan umat Islam mengeluarkan sebahagian daripada hartanya sebagai penyucian ke atas harta-harta yang diperolehi mereka. Dalil kewajipan membayar zakat telah dinyatakan dalam Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka dan doakanlah mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.” (Al-Baqarah:103)

Zakat bermaksud pemindahan harta tertentu kepada individu tertentu di bawah keadaan tertentu. Orang Islam bertanggungjawab untuk menyediakan sejumlah harta mereka (dengan keadaan dan keperluan tertentu) kepada golongan tertentu yang berhak. Tujuan utama diwajibkan berzakat adalah untuk menjadikan manusia lebih bernilai dari harta (Qardhawi, 2011). Hukum mengeluarkan zakat adalah fardhu ain dan wajib kepada umat Islam yang memenuhi syarat-syaratnya.

Terdapat beberapa dalil Al-Quran tentang kewajipan membayar zakat. Antaranya, seruan kepada orang Islam untuk mengeluarkan harta sebagai zakat, infaq mahupun sedekah sebagaimana Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka, dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui.”

(Al-Taubah:103)

Dan Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta keluarkanlah zakat dan taatlah kepada Rasul supaya kamu beroleh rahmat” (An-Nur:56)

Institusi zakat di Malaysia telah wujud sejak tujuh dekad yang lampau (Muhammad Bashir & Alias, 2013). Kutipan zakat di Malaysia dikendalikan oleh negeri masing-masing iaitu di bawah pentadbiran Pejabat Agama Islam Negeri masing-masing (Nur Fikhriah, Nor Faizah, Sri Wahyu & Teh Suhaila, 2018). Setiap negeri pula mempunyai institusi yang mengendalikan hal ehwal berkaitan zakat yang dikenali sebagai pejabat zakat atau Lembaga Zakat Negeri. Justeru, Lembaga Zakat bagi setiap negeri bertanggungjawab untuk mengutip dan mengagihkan zakat mengikut hisab dan perkiraan sebagaimana ketentuan syarak.

Dari aspek pembayaran zakat, Adenan et al. (2017) melaporkan bahawa jumhur ulama' bersepakat bahawa pendapatan daripada semua sumber perniagaan juga wajib dikenakan zakat. Manakala, di negeri Kedah, sehingga Ogos 2018, LZNK telah berjaya mengutip zakat sebanyak RM118,614,562.17 dan telah mengagihkan sebanyak RM117,305,560.09 kepada lapan golongan asnaf yang layak (LZNK, 2019). Menurut pegawai LZNK yang ditemu bual, peningkatan ini turut disumbangkan oleh peningkatan kutipan zakat ke atas pendapatan daripada sumber perniagaan iaitu keuntungan daripada aktiviti perniagaan. Malah, mereka menyatakan bahawa jumlah hasil kutipan zakat perniagaan semakin meningkat saban tahun. Seiring dengan perkembangan masa, terdapat juga aktiviti yang dahulunya tidak dianggap sebagai aktiviti perniagaan, kini boleh dimasukkan ke dalam kategori perniagaan. Contohnya, pekebun mempelam dan penternak yang membuat penjualan hasil pertanian dan penternakan secara aktif dan melepas jumlah tertenu boleh dianggap memenuhi syarat sebagai aktiviti perniagaan. Walau bagaimanapun, menurut pihak LZNK, zakat perniagaan menyumbang lebih kurang 21 peratus sahaja daripada jumlah kutipan yang tersebut di atas. Peratus ini jauh ketinggalan dengan jumlah kutipan daripada zakat penggajian. Keadaan yang sama turut berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

Perkara ini mungkin boleh dijelaskan oleh dapatan kajian-kajian lepas yang merekodkan peningkatan jumlah usahawan Muslim tidak seimbang dengan tahap kesedaran tentang pembayaran zakat perniagaan dalam kalangan mereka. Hasil kajian melaporkan tahap kesedaran sederhana di Kuala Lumpur (Zilani, Wahid, and Mohd Noor, 2018) dan tahap rendah di Selangor (Adenan et al., 2017; Syakir Ruol Mukhan, Mohd Noor, and Wahid, 2018). Selari dengan itu, pihak LZNK juga menyedari bahawa bilangan usahawan Muslim di Kedah semakin ramai tetapi hasil kutipan zakat perniagaan, walaupun meningkat, tidak berjaya mencapai sasaran kutipan. Tahap kesedaran yang masih rendah mungkin menyebabkan usahawan Muslim lebih mengutamakan pembayaran cukai berbanding membayar zakat perniagaan. Misalnya, satu kajian di Terengganu mendedahkan bahawa usahawan Muslim kurang faham dengan mendalam tentang hal-hal teknikal berkaitan zakat perniagaan, dan dalam kalangan mereka lebih ramai yang membayar cukai ke atas pendapatan daripada perniagaan berbanding membayar zakat perniagaan (Zaharah Salwati et al., 2014).

Justeru, institusi zakat perlu melakukan usaha berterusan bagi meningkatkan kesedaran tentang kewajipan membayar zakat (Zilani et al., 2018) serta memberi galakan kepada usahawan untuk membayar zakat perniagaan (Adenan et al., 2017). Jelas bahawa cadangan Zilani et al. (2018) juga terpakai bagi LZNK. Maka, terdapat kemungkinan bahawa sasaran kutipan hasil zakat boleh dicapai sekiranya LZNK melakukan usaha berterusan serta melaksanakan pelbagai pendekatan serta mekanisme kutipan yang bersifat proaktif dalam usaha meningkatkan kesedaran pembayaran zakat dalam kalangan usahawan Muslim.

Mekanisme proaktif yang dimaksudkan adalah mekanisme yang LZNK gunakan dengan secara aktif untuk keluar mencari dan mendekati usahawan Muslim dengan matlamat untuk memberi kesedaran tentang kewajipan membayar zakat, memberi kefahaman dari aspek teknikal seperti pengiraan serta penaksiran zakat dan akhirnya mendorong mereka untuk membayar zakat perniagaan. Mekanisme ini termasuk juga mekanisme yang memudahkan usahawan Muslim membuat pembayaran zakat perniagaan mereka walaupun tanpa perlu hadir ke kaunter pembayaran di pejabat LZNK. Sebagai tambahan, menurut Rusydiana dan Al-Farisi (2016), kaedah kutipan zakat yang efisyen masa kini ialah menggunakan kaedah data analisis atau secara informasi teknologi. Tambahan pula keupayaan Lembaga Zakat Negeri dalam

mengendalikan kutipan dan agihan zakat yang efisyen dan cekap dapat melonjakkan lagi prestasi kutipan zakat di negeri masing-masing di samping menggunakan kaedah dan strategi yang efisyen dalam pengurusan zakat (Ismail & Masturah, 2014).

Usaha untuk meningkatkan kesedaran itu pastinya melibatkan proses reka bentuk rapi bagi melahirkan mekanisme proaktif yang benar-benar efisyen dalam usaha memberi kesedaran kepada usahawan Muslim dan seterusnya memudahkan mereka membayar zakat perniagaan, yang mana akhirnya akan meningkatkan hasil kutipan zakat. Adalah tidak mustahil sekiranya, impak daripada penggunaan mekanisme proaktif tidak dapat dikesan dalam jangka pendek. Namun, yang lebih penting adalah penyediaan pelbagai mekanisme proaktif bagi memenuhi matlamat meningkatkan kesedaran, kefahaman dan kutipan zakat perniagaan di negeri Kedah. Ini kerana, keperluan terhadap mekanisme proaktif adalah bertepatan dengan penetapan sasaran kutipan zakat perniagaan yang lebih tinggi bagi tahun-tahun hadapan. Sasaran lebih tinggi ditetapkan berdasarkan peningkatan jumlah usahawan Muslim serta kewujudan pembayar zakat baru dalam kalangan usahawan Muslim di Kedah berdasarkan pemerhatian pihak LZNK sendiri. Kepelbagaiannya mekanisme kutipan ternyata mampu meningkatkan hasil kutipan zakat (Paizin and Sarif, 2016).

LZNK turut menyedari tentang keperluan terhadap penggunaan dan perlaksanaan mekanisme proaktif bagi menyampaikan seruan tuntutan membayar zakat dalam kalangan usahawan Muslim di Kedah bagi meningkatkan hasil kutipan zakat perniagaan dan seterusnya mencapai sasaran kutipan. Sasaran kutipan adalah bersandar kepada sasaran keperluan untuk agihan kepada asnaf di negeri Kedah. Ini kerana, seperti yang dinyatakan di atas, tanggungjawab sebagai agensi pengurusan zakat bukan semata-mata untuk meningkatkan hasil kepada LZNK tetapi juga untuk membantu usahawan Muslim menyempurnakan rukun Islam ke empat dengan lebih baik dan sejajar dengan kehendak syariat Islam.

Oleh yang demikian, antara hikmah dan tujuan Allah s.w.t mensyariatkan zakat kepada umat Islam ialah; i) Mengagihkan sebahagian kecil kekayaan daripada golongan yang berada kepada golongan yang kurang berada; ii) Membersihkan diri pembayar zakat; iii) Membersihkan dan menyuburkan harta pembayar zakat; iv) Mewujudkan sifat bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t di kalangan golongan yang berada dan v) Mengurangkan perasaan iri hati di kalangan penerima zakat kepada orang kaya (www.ukm.my/zakat).

Isu-isu yang dibincangkan di atas telah memberi motivasi kepada kajian ini. Kajian ini juga tercetus kerana kekurangan kajian empirikal, mengikut pemerhatian penyelidik, berkaitan isu ini yang dijalankan di negeri Kedah dan khususnya yang menjadikan LZNK sebagai subjek kajian. Objektif utama kajian ini adalah untuk meneroka mekanisme proaktif kutipan zakat perniagaan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh LZNK. Kajian ini juga dijalankan agar dapat mendokumentasi bukti-bukti berkaitan perlaksanaan tanggungjawab LZNK bagi menyampaikan ilmu tentang zakat perniagaan kepada usahawan Muslim, dan pendekatan kutipan zakat melalui mekanisme proaktif yang akhirnya berkemungkinan mampu meningkatkan hasil kutipan zakat perniagaan di negeri Kedah.

Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif yang digariskan, kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif melalui temu bual bersemuka bersama tiga orang pegawai tertinggi dalam institusi Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Temu

bual berstruktur dipilih kerana ianya amat sesuai digunakan untuk mendapatkan data secara terus daripada responden kajian (Isa and Wahid, 2017) dan mampu mengutip data yang lebih kaya, bermakna dan mendalam (Wan Razali, 2015).

Protokol temu bual berstruktur yang dijalankan telah menggunakan soalan-soalan yang direka bentuk oleh para penyelidik berdasarkan penelitian terhadap kajian terdahulu tentang isu dan masalah kutipan zakat perniagaan yang dilakukan di tempat lain (Zilani et al., 2018). Soalan-soalan tersebut telah disemak oleh pakar sebelum digunakan dalam proses kutipan data kajian. Informan temu bual adalah tiga orang pegawai LZNK yang terlibat secara langsung dengan aktiviti penerangan serta kutipan zakat perniagaan di ibu pejabat LZNK iaitu:

1. Muhamad Shafiq Bin Farik, Penolong Pengurus Eksekutif Bahagian Enterprise LZNK.
2. Mohamad Suraidi Bin Saad, Ketua Jabatan Pengurusan Zakat Korporat LZNK.
3. Mohamad Zaidi Bin Azizan, Penolong Pengurus Eksekutif Bahagian Syarikat Swasta LZNK.

Temu bual tersebut telah dirakam menggunakan alat perakam audio MP3 bagi memudahkan transkripsi hasil temu bual tersebut dan seterusnya memudahkan analisis data. Kaedah transkripsi *verbatim* perkataan demi perkataan telah digunakan untuk mendokumentasi temu bual tersebut bagi menjaga keaslian data temu bual. Analisis ke atas kandungan transkrip tersebut telah dilakukan bagi mengenal pasti dapatan kajian serta menyokong rumusan kajian ini.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Hasil analisis temu bual dan analisis dokumen mendapati LZNK telah menggunakan pelbagai mekanisme proaktif dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran pembayaran zakat perniagaan dan seterusnya meningkatkan hasil kutipan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan Muslim di Kedah. Pihak LZNK lebih proaktif untuk turun padang mendekati usahawan dan tidak hanya menunggu kedatangan mereka ke pejabat zakat. LZNK juga telah melaksanakan beberapa mekanisme proaktif mengikut kesesuaian dan keadaan usahawan bagi mendekati serta memudahkan mereka untuk membuat pembayaran zakat.

Mekanisme proaktif tersebut dipercayai dapat mengatasi rintangan masa dan jarak bagi memberi kesedaran kepada usahawan di samping memudahkan mereka membuat bayaran zakat perniagaan mereka. Seksyen berikut membentangkan rumusan dapatan perlaksanaan mekanisme kutipan zakat perniagaan oleh LZNK.

Mekanisme Ziarah Mendekati Usahawan Termasuk Di Luar Waktu Pejabat

Kempen ziarah sambil mengedarkan maklumat berkaitan tanggungjawab membayar zakat perniagaan serta penerangan dan menunjukkan bukti penyaluran dana zakat kepada lapan golongan asnaf dengan jelas kepada usahawan Muslim. Pihak LZNK memberi penekanan terhadap penerangan tentang keperluan mengagihkan zakat kepada ke lapan-lapan asnaf bagi menjamin zakat yang dikeluarkan usahawan sah sebagai rukun Islam ke empat. Usahawan diberi penerangan bahawa terdapat risiko zakat yang dikeluarkan tidak sah jika tidak memenuhi syarat pengagihan tersebut. Maka, adalah lebih baik jika zakat dibayar kepada LZNK berbanding membayar terus hanya kepada golongan asnaf tertentu sahaja dan bukan kepada semua lapan kumpulan asnaf yang berhak menerima zakat. Jelas bahawa kempen ini juga

menzahirkan keprihatinan pihak LZNK agar zakat yang dibayar oleh usahawan adalah sah dan tidak perlu diqada (akibat zakat tidak sah dan tertukar menjadi sedekah).

Ketika kempen sebegini dijalankan, para pegawai LZNK akan memakai kemeja t bercorak logo dan moto LZNK. Pemakaian sebegitu diamalkan ketika acara bulanan turun padang ke kompleks-kompleks perniagaan samada secara skala kecil atau besar. Skala besar dibuat secara bulanan dan melibatkan keseluruhan jabatan turun padang selepas waktu pejabat. Amalan pemakaian tersebut bertujuan memudahkan usahawan mengecam dan mendekati pihak LZNK yang sentiasa bersedia khidmat ketika bersua. Pihak LZNK percaya mekanisme ziarah berjaya memberi pendedahan tentang kaedah-kaedah pembayaran yang disediakan oleh LZNK kepada golongan usahawan, meningkatkan kepercayaan terhadap pengurusan agihan dana zakat oleh LZNK serta berjaya meningkatkan kesedaran terhadap tanggungjawab usahawan Muslim untuk membayar zakat perniagaan.

Mekanisme ziarah ini turut dilakukan dengan menziarahi usahawan yang dianggap sebagai sahabat zakat kerana telah tersenarai sebagai pembayar zakat perniagaan kepada LZNK. Pihak LZNK akan memberi hadiah kecil kepada sahabat zakat ketika ziarah menyantuni mereka. Hadiah kecil tersebut boleh berupa apron berlogo LZNK yang diberikan sebagai tanda penghargaan dan galakan agar usahawan zakat meneruskan pembayaran zakat kepada LZNK. Ada kalanya khemah berlogo LZNK turut diberi kepada usahawan secara percuma. Apron dan khemah berlogo LZNK yang dipamerkan mereka akan menjadi publisiti atau media iklan harian percuma bagi pihak LZNK. Tidak mustahil, mekanisme kecil begini turut menjadi pemacu terhadap peningkatan kutipan zakat yang turut melibatkan zakat perniagaan.

Mekanisme Pelantikan Agen Terpilih (Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM))

LZNK mempunyai ramai agen yang dilantik untuk mengutip zakat daripada pelbagai pihak, samada institusi ataupun individu. Berdasarkan pemerhatian dan hubungan baik dengan agensi-agensi pembiayaan mikro, LZNK mendapat terdapat usahawan yang sama mendapat bantuan pembiayaan daripada pelbagai agensi pembiayaan mikro. Antaranya AIM, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Memandangkan kalangan usahawan Muslim di Kedah hampir sama sahaja, bagi memudahkan kutipan zakat perniagaan dalam kalangan usahawan tersebut, LZNK melantik Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sebagai agen kutipan zakat perniagaan. Ini kerana keahlian AIM adalah paling ramai berbanding agensi pembiayaan mikro lain. Dengan itu, LZNK mungkin mengandaikan bahawa capaian terhadap usahawan adalah lebih menyeluruh melalui AIM. Namun begitu, AIM mempunyai polisi yang tidak membenarkan petugasnya memegang wang kutipan zakat daripada peminjam. Dengan itu, pegawai LZNK akan turut serta pada hari-hari petugas AIM yang dijadualkan membuat kutipan pembayaran balik pinjaman mereka kepada AIM. Kehadiran pegawai LZNK ke sesi tersebut memberi ruang dan peluang untuk memberi kesedaran tentang tuntutan pembayaran zakat perniagaan di samping dapat menjimatkan masa peminjam. LZNK turut memberikan kemudahan kepada usahawan untuk membayar zakat secara ansuran, berbentuk bulanan dan dalam jumlah yang kecil. Peminjam AIM boleh membuat pembayaran zakat perniagaan tanpa perlu hadir ke pejabat LZNK.

Mekanisme Berasaskan Teknologi Maklumat (IT)

Seiring dengan perkembangan teknologi, LZNK turut menyediakan kemudahan sistem pembayaran zakat secara *online* atau atas talian menerusi Skim Barakah. Sistem ini yang

dikenali sebagai "Jom Zakat" menyediakan kemudahan kepada pembayar untuk taksir, bayar, cetak dan kemaskini status bayaran zakat masing-masing dengan hanya di hujung jari. Laman sesawangnya <https://jom.zakatkedah.com.my/> mampu menawarkan keselesaan, penjimatan masa serta tenaga kepada pembayar dalam menunaikan tanggungjawab membayar zakat.

Selain itu, LZNK turut menyiarkan dan mengemaskini aktiviti serta program yang dilaksanakan melalui saluran media sosial *YouTube*, laman sesawang dan *Facebook*. Iklan berbentuk video dan poster dan dokumentari ringkas memaparkan kejayaan asnaf yang dibantu oleh LZNK turut ditayangkan di media sosialnya.

Mekanisme Seruan Pembayaran Zakat Mengikut Negeri Perniagaan Beroperasi

Pihak LZNK menyedari tentang kewujudan syarikat-syarikat perniagaan yang beroperasi di Kedah tetapi tidak membayar zakat perniagaan kepada LZNK. Ini adalah kerana pembayaran zakat mereka tertakluk kepada polisi ibu pejabat mereka yang terletak di ibu negara atau di negeri lain. Isu ini telah mengundang banyak persoalan serta perbincangan tentang kewajaran tindakan sebegini. Syarikat-syarikat ini telah menggunakan segala sumber dan mengaut keuntungan di negeri ini, maka adalah wajar dan rasional bagi mereka untuk menunaikan zakat di negeri Kedah. Tindakan mereka sebegini sebenarnya telah menafikan hak negeri Kedah sebagai tuan tanah tempat mereka bermula. Sedangkan syarikat-syarikat tersebut sepatutnya boleh menyalurkan zakat perniagaan hasil operasi di Kedah kepada LZNK. Oleh itu, LZNK giat meneruskan seruan dengan mengadakan perbincangan bersemuka dengan syarikat-syarikat terbabit bagi menggalakkan dan menekankan tentang keutamaan usahawan membuat bayaran zakat di negeri operasi perniagaannya dijalankan. Mekanisme ini dianggap proaktif kerana LZNK berusaha untuk memujuk syarikat-syarikat tersebut dan bukan hanya menunggu sahaja di pejabat LZNK tanpa melakukan usaha wajar.

Mekanisme Agihan Balik Kepada Pembayar Korporat

Bagi menarik lebih ramai pembayar zakat dalam kalangan warga usahawan korporat atau syarikat-syarikat perniagaan yang besar, LZNK menawarkan mekanisme agihan balik daripada jumlah zakat yang dibayar oleh pembayar zakat perniagaan yang berjumlah RM10,000 atau lebih. Agihan balik sebanyak 25 peratus ditawarkan kepada individu korporat sekiranya pembayaran zakat mereka berjumlah RM10,000 dan tidak melebihi RM50,000. Sekiranya jumlah yang mereka bayar berjumlah RM50,000 atau lebih, agihan balik yang ditawarkan adalah 37.5 peratus. Pembayar zakat dalam kalangan syarikat korporat pula ditawarkan agihan 37.5 peratus sekiranya mereka membuat bayaran zakat perniagaan berjumlah RM10,000 atau lebih. LZNK percaya bahawa agihan balik ini berjaya membuatkan beberapa syarikat korporat yang beroperasi di Kedah kebelakangan ini telah membayar zakat perniagaan mereka kepada LZNK.

Kebanyakan pembayar korporat yang menuntut agihan balik ini mengagihkan sendiri zakat tersebut kepada asnaf dalam majlis rasmi. Majlis tersebut pula turut menjadi medium promosi tentang sifat dermawan serta tanggungjawab sosial syarikat korporat yang terlibat .

Perlaksanaan Projek Dan Skim Bantuan Zakat Berimpak Tinggi

Sekilas pandang, projek-projek ini seolah-olah tidak mempunyai perkaitan jelas dengan usaha kutipan zakat perniagaan. Analisis yang teliti terhadap hasil temu bual dengan responden menunjukkan bahawa sesetengah projek ini secara tidak langsung turut menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat perniagaan. Seperti yang dinyatakan di atas, terdapat sebilangan

pembayar zakat korporat yang menyumbang agihan balik zakat mereka ke dalam projek-projek untuk kepentingan asnaf Kedah. Hakikatnya, tawaran agihan balik zakat merupakan mekanisme serampang dua mata LZNK. Ini kerana tawaran agihan balik bukan sahaja mampu menarik lebih ramai pembayar zakat korporat dan usahawan persendirian, malah juga menjadi tarikan kepada sesetengah usahawan korporat dan persendirian untuk tidak menuntut agihan balik zakat mereka.

Agihan balik yang tidak dituntut itu digunakan untuk membiayai projek dan skim bantuan zakat mengikut pilihan pembayar zakat. Menyedari hakikat ini, LZNK telah menyediakan pelbagai produk agihan yang berimpak tinggi seperti Pusat Hemodialisis, Sekolah Asnaf dan Agama, Pondok Moden Zakat Kedah (PMZK), Pusat Agihan Makanan Fakir Miskin, Bantuan rumah, Kit Pengurusan Jenazah, Pakaian Seragam Pelajar Miskin, Biasiswa UNISHAMS, Kit Bantuan Makanan, Dermasiswa IPT, Pusat Bimbingan Saudara Baru (PUSBA) dan lain-lain lagi (LZNK, 2019).

Di samping itu, projek pembangunan usahawan asnaf zakat juga merupakan sebahagian daripada mekanisme berimpak tinggi yang mampu meraih sokongan daripada golongan usahawan Muslim untuk terlibat dalam usaha ini melalui pembayaran zakat perniagaan mereka. Usahawan asnaf ini merujuk kepada golongan asnaf yang usaha niaga mereka asalnya dibantu oleh LZNK melalui pembiayaan modal kewangan dan peralatan, dan akhirnya menjadi usahawan yang mampu pula membayar zakat perniagaan. Projek ini dilengkapi dengan penyediaan kursus-kursus berkaitan bagi memantapkan kemahiran keusahawanan dan pengendalian karnival-karnival keusahawanan bagi membantu usahawan asnaf zakat untuk berdikari dan tidak kembali menjadi asnaf. Kelahiran usahawan asnaf zakat juga akan menyumbang kepada peningkatan hasil kutipan zakat perniagaan oleh LZNK. Ternyata bahawa mekanisme bersifat pro-aktif sebegini telah berjaya melahirkan usahawan daripada kalangan yang asalnya asnaf.

Mekanisme Seruan Tidak Langsung

Pihak LZNK turut menggunakan papan iklan saiz besar (*billboard*) yang memaparkan gambar-gambar agihan zakat yang menyentuh hati sebagai kaedah tidak langsung untuk menarik pembayaran zakat daripada masyarakat umum termasuklah golongan usahawan. Mekanisme seruan tambahan ini diharapkan dapat memberi kesedaran dan meningkatkan kepercayaan terhadap pengurusan zakat oleh pihak LZNK. Dengan itu, semakin ramai usahawan dan orang ramai membayar zakat mereka kepada LZNK untuk disempurnakan agihannya agar sah ibadah rukun Islam ke empat mereka. Seruan sebegini juga kini giat dijalankan di masjid-masjid di seluruh negeri Kedah dalam bentuk forum ilmu. Pasti ada juga usahawan dalam kalangan jemaah yang hadir ke masjid-masjid ketika forum sedemikian dibuat dan seterusnya mendapat kesedaran dan berkemungkinan untuk membayar zakat perniagaan mereka kepada LZNK.

Kesimpulan

Kajian ini telah meneroka dan mendokumentasi mekanisme kutipan zakat perniagaan proaktif yang dijalankan oleh LZNK. LZNK telah melaksanakan pelbagai mekanisme proaktif tersebut seiring dengan perkembangan kemajuan sains dan teknologi. Kajian ini juga mendapati mekanisme penerangan serta kutipan yang bersifat proaktif mampu memberikan impak serta perubahan yang dapat dilihat dari sudut peningkatan dalam jumlah kutipan zakat perniagaan, bertambahnya bilangan pembayar zakat dan peningkatan dalam jumlah agihan zakat kepada asnaf yang berkelayakan. Kepelbagaiannya mekanisme yang ditawarkan oleh LZNK mewujudkan

keadaan menang-menang bagi ke dua-dua pihak, di mana para usahawan tidak perlu bersusah payah mencari kaunter LZNK. Kesungguhan dan kesanggupan pihak LZNK melaksanakan mekanisme proaktif berdasarkan senario dan kesesuaian dengan keperluan usahawan adalah inisiatif yang harus diberi pujian. Ini kerana para pegawai, petugas dan wakil LZNK sanggup melaksanakan tanggungjawab demi agama walaupun di luar waktu bekerja yang biasa. Jelas sekali LZNK sudah berada di atas landasan yang betul dalam mencapai visinya untuk menjadi sebuah institusi kewangan sosial dan institusi pengurusan zakat yang unggul bertaraf dunia melalui pengurusan operasi kutipan dan agihan yang telus dan efisien serta berkualiti.

Penyelidik ingin mencadangkan kajian yang lebih mendalam dilaksanakan bagi menilai tahap keberkesanan setiap mekanisme kutipan zakat yang dipraktikkan. Dengan itu, pemilihan mekanisme yang tepat serta usaha-usaha pengukuhan mekanisme dapat dilaksanakan.

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah sebahagian dari hasil penyelidikan di bawah Geran Institute of Zakat Research and Innovation (IPIZ) bertajuk Keefisienan Mekanisme Kutipan Zakat Perniagaan dalam Kalangan Usahawan Muslim Negeri Kedah (Kod S/O 14116). Penyelidik ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang telah membiayai kajian ini, dan kepada Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat serta Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Utara Malaysia yang mengurus dan mengawal selia kajian ini.

Rujukan

- Adenan, F., Rahghni, S. A. A., Wahid, H., and Ahmad, S. (2017). Cadangan mewujudkan logo pengiktirafan zakat perniagaan: kajian terhadap usahawan muslim di Selangor. *Journal of Fatwa Management and Research*, 10(1).
- Al-Quran Al-Karim (2019), Terjemahan & Tajwid Berwarna, Karya Bestari Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor.
- Isa, M., and Wahid, H. (2017). Peranan Institusi Pengajian Tinggi dalam Pembangunan Pendidikan Asnaf Mualaf: Kajian Kes Kolej Dar al-Hikmah.
- Ismail A., & Masturah M. (2014). The efficiency of zakat collection and distribution: Evidence from tw stages analysis, *Jurnal of Economic Cooperationand Development*, 35 (3), 133-170.
- Lembaga Zakat Selangor (2019). Takrifan zakat, dicapai di www.zakat selangor.com.my pada 15 Januari 2020.
- LZNK. (2019). Info Zakat. Lembaga Zakat Negeri Kedah.
- Mohamad Suraidi Bin Saad, Ketua Jabatan Pengurusan Zakat Korporat LZNK, (2019). Mekanisme Kutipan Zakat LZNK. Temubual. Alor Setar:LZNK.
- Mohamad Zaidi Bin Azizan, Penolong Pengurus Eksekutif Bahagian Syarikat Swasta LZNK. (2019). Mekanisme Kutipan Zakat LZNK. Temubual. Alor Setar:LZNK.
- Muhammad Bashir O.Y., & Alias M.D. (2013). Measurement model of corporate zakat collection in Malaysia: A test of diffusion of innovation theory, *Jurnal of Humanomics*, 29 (1), 61-74.
- Muhamad Shafiq Bin Farik, Penolong Pengurus Eksekutif Bahagian Enterprise LZNK. (2019). Mekanisme Kutipan Zakat LZNK. Temubual. Alor Setar:LZNK.
- Nur Fikhriah Takril, Nor Faizah Othman, Sri Wahyu S. A. S & Teh Suhaila Tajuddin (2018). the 5th International Research Management & Innovation Conference 2018, 5 (1), 1-7.

Paizin, M. N., and Sarif, S. (2016). Kemudahan pembayaran zakat: tinjauan di wilayah persekutuan dan Selangor. Labuan e-Journal of Muamalat and Society, 10, 66-76.

Pengertian Zakat dan Hikmah: Zakat Universiti (2020). Universiti Kebangsaan Malaysia, dicapai di www.ukm.my/zakat/kutipan/info-zakat/pengertian-zakat pada 15 Januari 2020.

Qaradhawi, Yusuf. 2011. Fiqh al-Zakah. Translate by Monzer Kahf. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust

Rusydiana A. S., & Al-Farisi, S., (2016). The efficiency of Zakah Institution Using Data Envelopment Analysis, Jurnal of Islamic Economics, 8 (2), 213-226.

Syakir Rurol Mukhan, A., mohd noor, m. a., and Wahid, H. (2018). Jangkaan Kepatuhan Membayar Zakat Perniagaan Di Kalangan Usahawan Di Selangor: Cadangan Menggunakan Peranti Bizzakat.

Wan Razali, W. M. F. A. (2015). Persepsi Mualaf Terhadap Pengisian Pengislaman Dan Program Pembangunan Mualaf Kajian Di Negeri Sembilan.

Zaharah Salwati, B., Hashim, J., Habsah, M., and Syed Mohd Azmi Syed Ab, R. (2014). Tanggapan Usahawan Terhadap Zakat Perniagaan Berbanding Cukai Pendapatan Perniagaan di Terengganu. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 3(0).

Zilani, N., Wahid, H., and Mohd Noor, M. A. (2018). Kefahaman dan Kesedaran Membayar Zakat Perniagaan: Kajian terhadap Peniaga Kecil di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.